



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | |
|--------------|---|-------------------|------------|-----|
| SURAT KHABAR | : | KOSMO | | |
| TARIKH | : | 21/8/2021 (SABTU) | MUKA SURAT | : 7 |
| JABATAN | : | - | | |

Garis pantai mengalami hakisan sepanjang 1,347.6 kilometer

Kosmo, 21 Ogos
2021_7

Daratan Malaysia makin mengecil

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Jabatan Perangkaan mendedahkan garis pantai di negara ini mengalami hakisan sepanjang 1,347.6 kilometer (km) setakat tahun 2019.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, angka terbaharu itu diperoleh menerusi Statistik Alam Sekitar 2020 yang diterbitkan jabatan tersebut semalam.

Menurutnya, secara am, garis pantai di Malaysia adalah sepanjang 8,840 km, namun kini hanya tinggal 7,492.4 km.

"Sarawak dengan garis pantai 1,234.1 km mengalami hakisan sepanjang 492.5 km dan diikuti Sabah (429.3 km) dan Perak (95.1 km)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Ujarnya, pesisir pantai adalah kawasan yang cenderung terdedah kepada pelbagai ancaman terutama hakisan.

Katanya, impak daripada hakisan yang berlaku akan me-



PEMBINAAN benteng pemecah ombak adalah antara usaha yang boleh dilakukan untuk mengurangkan kesan hakisan pantai. – GAMBAR HIASAN



KERATAN Kosmo/ 6 Mac 2021.

nyebabkan kerugian sektor pelancongan dan ekonomi.

"Merujuk kepada Survei Pelancongan Domestik 2020, aktiviti pantai dan laut adalah salah satu aktiviti utama bagi tujuan pelancongan," ujarnya.

Menurutnya, berdasarkan penerbitan Akaun Satelit Pelancongan 2019, industri pelancongan menyumbang sebanyak

15.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dengan nilai sebanyak RM240.2 bilion pada 2019 berbanding RM204 bilion pada tahun sebelumnya.

Pada 6 Mac lalu, Kosmo melaporkan, keindahan berpuluh-puluh kawasan pantai di beberapa negeri yang dahulunya menjadi tarikan pelancong kini lenyap apabila dihakis sedikit

demi sedikit sehingga ada kampung yang 'ditelan' fenomena alam itu.

Situasi itu bukan sahaja menjejaskan sektor pelancongan setempat, malah turut mengancam kehidupan penduduk sekitar. Antara negeri yang terkesan ialah Pahang, Terengganu, Kelantan, Selangor dan Johor.

Di Kelantan misalnya, pantai yang terjejas ialah Pantai Sabak, Pantai Cahaya Bulan dan Pantai Irama, manakala di Terengganu antaranya Pantai Teluk Lipat, Pantai Rhu Rendang, Pantai Rusila dan Pantai Batu Buruk.

Bagi Pahang pula, lokasi yang terjejas ialah Pantai Cherating, Pantai Teluk Cempedak, Pantai Gelora dan Pantai Nenas, manakala Johor melibatkan Pantai Tanjung Piai dan Pantai Tanjung Balau.

Di Selangor, antara pantai yang mengalami hakisan ialah Pantai Morib, Pantai Sungai Kajang, Pantai Tanjung Rhu dan Pantai Kelanang.

